

Perah keringat bersih rumah akibat banjir

KLANG - Penduduk Lorong Telok Gadong Kecil 2, Jalan Yadi, Sungai Udang, terpaksa membanting tulang beberapa hari membersihkan kediaman mereka yang dimasuki air selepas banjir melanda kawasan itu, Ahad lalu.

Lebih menyedihkan pelbagai barangan seperti permaidani, buku, tilam dan peralatan lain rosak selepas terkena banjir berkenaan.

Penduduk, Anuar Zakaria, 69, berkata, kejadian berlaku sekitar jam 2 petang selepas hujan lebat lebih sejam.

"Air melimpah masuk rumah saya terlalu cepat hingga kami sekeluarga gagal menyelamatkan buku, karpet dan barang lain yang terletak di tempat rendah.

"Air setinggi satu kaki itu mulai surut selepas tujuh jam. Sekitar jam 9 malam, barulah kami dapat membersihkan kediaman," katanya, semalam.

Dia yang tinggal di situ bersama anak dan menantunya berkata, kejadian itu disifatkan terburuk ekoran sebelum ini banjir sudah lama tidak me-



Beginilah keadaan dalam kediaman Anuar sekeluarga selepas air melimpah masuk, Ahad lalu.

masuk rumahnya itu.

Menurutnya, pihak berkuasa perlu mencari jalan yang berkesan bagi mengatasi masalah yang berlaku.

"Tindakan pihak berkuasa menaik taraf jalan utama dengan meninggikan laluan itu menyebabkan air gagal turun mengikut saliran yang sepatut-

nya dan melimpah ke kawasan kediaman saya dan jiran di sini.

"Kejadian seumpama ini sudah lama berlaku sepatutnya langkah proaktif diteruskan, bukan sekadar turun pandang melawat kawasan namun tiada tindakan lanjut yang diambil," katanya.